

Seramai 105 murid Tahun 6 daripada 4 sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Salarom, SK Sepulut, SK Lotong dan SK Labang, Nabawan dan 60 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sepulut dan SMK Nabawan telah menyertai 'Outreach Program Scaling Up Education In Community.'

Program yang membabitkan seramai 42 pelajar Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) daripada Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGD) Kohort 5 dengan kerjasama kumpulan pelajar asas daripada Program Pendidikan dengan Sains, Pendidikan dengan Sains Sosial dan Pendidikan dengan Ekonomi berpusat di Kg. Salarom Taka Nabawan.

Program yang diketuai oleh Dr Khalid Johari dikendalikan untuk mencapai empat matlamat, iaitu menyediakan pusat sehenti pembelajaran maya, meremajakan semula motif profesion guru, membantu sekolah menghasilkan persekitaran pembelajaran yang menarik, sihat dan lestari, serta membantu pihak sekolah meningkatkan produk dan kualiti sekolah.

Di pihak peserta rombongan pula, para pelajar berpeluang memantapkan pengetahuan teori yang dipelajari di universiti melalui pengaplikasian ke dalam bentuk tindakan dan persekitaran pendidikan yang sebenar.

Para peserta diberi pendedahan terhadap senario sebenar iklim dan budaya sekolah di kawasan pedalaman. Pelaksanaan program ini adalah sebagai satu persediaan untuk melengkapkan diri, memperkukuhkan jati diri dan sistem nilai dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme keguruan dalam bakal guru khususnya di kawasan luar bandar.

Penganjuran program ini adalah sebahagian daripada kerja lapangan bagi kursus Pemasaran Pendidikan dan kursus Kreativiti dan Inovasi dalam pendidikan.

Sehubungan dengan sejarah penduduk Kg Salarom Taka yang merupakan kumpulan terakhir yang berhijrah meninggalkan kampung asal mereka di Salarom, Pensiangan, yang jaraknya kira-kira dua hari perjalanan menaiki bot dari pekan Keningau, maka objektif Program Outreach ini bertepatan untuk meningkatkan keupayaan akses maklumat dalam kalangan masyarakat sekitar berhubung dengan kemudahan pembelajaran dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat.

Program yang dirancang dengan teliti ini juga berpotensi mempromosikan produk Sekolah Kebangsaan (SK) Salarom serta membantu masyarakat setempat di Kg Salarom Taka untuk memainkan peranan dan menyokong aktiviti pendidikan lestari. Selain itu, bagi menggalakkan SK. Salarom, Nabawan tampil sebagai sekolah yang menjalankan aktiviti pendidikan lestari.

Sepanjang 4 hari 3 malam program itu berlangsung, banyak aktiviti yang telah dilaksanakan antaranya ialah Pusat Pembelajaran Sehenti (One Stop Learning Centre) yang disampaikan oleh kumpulan 1 yang diketuai oleh Sapli Abd Malik yang berobjektifkan meningkatkan keupayaan akses maklumat dalam kalangan masyarakat sekitar berhubung dengan kemudahan pembelajaran dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat. Aktiviti seterusnya ialah Membentuk Suasana Pembelajaran Lestari, Sihat dan Menarik yang diketuai oleh Khamis Amit dalam usaha untuk membantu guru-guru dan masyarakat menghasilkan persekitaran pembelajaran yang sihat, menarik dan lestari.

Aktiviti ketiga yang dijalankan ialah Pengurusan P&P Dan Pemasaran Pendidikan yang diketuai oleh Chong Poi Tay bagi membantu pihak sekolah dalam pengurusan alat-alat pengajaran dan pembelajaran serta mempromosikan produk sekolah kepada masyarakat sekitar.

Aktiviti keempat yang dijalankan ialah Pengurusan Bidang Peremajaan Staf yang diketuai oleh Zumat Zainal bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam kalangan guru-guru S.K Salarom. Selain itu, bagi membantu guru-guru S.K Salarom dalam usaha untuk meningkatkan profesion keguruan mereka. Sasaran bagi keempat-empat aktiviti ini ialah guru-guru daripada S.K Salarom, S. K Sepulut, S.K Lotong dan S.K Labang, Nabawan.

Pada masa yang sama juga, aktiviti lain turut berlangsung iaitu Slot Program Bahasa Melayu kepada murid Tahun 6 yang diketuai oleh Rahayani dengan kerjasama pelajar asas. Aktiviti diteruskan lagi melalui Program "I Love English" dan Program "Learn Science With Master".

Aktiviti ini adalah berbentuk modul pengajaran yang selaras dengan sukatan pelajaran Tahun 6 dan bagi membantu mereka menjawab dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) melalui pendedahan contoh-contoh soalan. Aktiviti ini berjalan lancar dan sambutan daripada murid-murid yang terlibat sangat menggalakkan dan mendapat maklum balas yang positif daripada mereka.

Aktiviti diteruskan lagi dengan Taklimat Standard Kualiti Malaysia (SKPM) kepada guru-guru daripada sekolah yang terlibat yang disampaikan oleh Dr. Sabariah Sharif dan dipengerusikan oleh Johoya Baking.

Pada malam 14 Mei pula, aktiviti dilanjutkan lagi dengan Program Penghayatan Ilmu kepada murid Tahun 6 S. K Salarom dan Pengubahsuaian Pusat Sumber S. K Salarom. Di dewan Salarom pula dikendalikan majlis suai mesra atau dalam bahasa Murut dikenali sebagai "Majlis Ahahayam" bersama Dr. Khalid Johari yang juga merupakan Pengerusi "Scaling Up Education In Community" (SUEC).

Majlis ini adalah perbincangan mengenai pendidikan, masa depan belia dan beliawanis Kg Salarom, Sejarah Salarom dan sebagainya bersama golongan bapa dan guru-guru S. K Salarom. Sementara di dapur dewan Salarom pula, aktiviti memasak yang diketuai oleh Norhamidah Abdullah bersama golongan ibu dan beliawanis Kg Salarom.

Program Outreach UMS di pedalaman capai matlamat

Pada hari ketiga iaitu 14 Mei, beberapa aktiviti telah berlangsung antaranya ialah Gotong Royong Perdana yang telah dirasmikan oleh Dr. Khalid Johari.

Antara aktiviti yang dilakukan semasa gotong-royong tersebut ialah mengecat pagar sekolah, membantu penduduk Kg Salarom mendirikan tiang untuk dijadikan stor simpanan minyak, mengorek lubang bagi kegunaan sebagai tandas sekolah yang belum siap sepenuhnya dan aktiviti menanam bunga bagi mengindahkan sekolah.

Aktiviti ini berlangsung pada sebelah pagi dan seterusnya pada sebelah petang aktiviti diteruskan lagi dengan ceramah bertajuk Pendidikan dan Perubahan yang disampaikan oleh Dr. Khalid Johari.

Program ini bukan sahaja melibatkan warga Kg Salarom tetapi juga pelajar Tingkatan 5 S.M.K Sepulut bagi memberikan pendedahan kepada mereka tentang peluang-peluang pendidikan yang dapat memberikan manfaat yang begitu besar kepada mereka.

Selain itu juga, program ini bertujuan mempromosikan bidang pendidikan yang begitu besar skop bidangnya. Seterus-

nya, bagi menjalinkan kemesraan dengan warga Salarom, aktiviti rekreasi bersama warga Salarom tetap dijalankan walaupun pada hari tersebut hujan lebat menyebabkan aktiviti rekreasi terpaksa diadakan di dalam dewan Kg Salarom.

Pada malamnya pula, aktiviti kebudayaan/Malam Mesra dan Majlis penutupan telah diadakan.

Antara pengisian pada malam itu ialah persembahan kebudayaan daripada warga Kg Salarom dan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, pelajar asas telah membuat persembahan dan persembahan tarian India dan Zapin. Majlis penyerahan buku kerja kepada 4 sekolah yang terlibat.

Antara yang terlibat membantu ialah Guru Besar SK Salarom, Anthony Amin dan barisan kepimpinan Kg. Salarom Taka.

Sambutan dan kerjasama yang diterima daripada pihak kampung sangat menggalakkan dan memberangsangkan kami.

Sesungguhnya, pengalaman menjalankan program ini adalah pengalaman yang sangat berharga dan dapat menjana pembangunan pendidikan di kawasan yang terpencil.




ALBUM KENANGAN ... Penganjur bergambar kenangan bersama penduduk kampung dan murid yang mengikuti program itu.



DEKATI PENDUDUK ... Dr. Khalid mendekati penduduk kampung.



PENDUDUK DAN MURID ... Penduduk kampung bersama murid yang mengikuti program itu.



PELAJAR ... Pelajar SMK Sepulut dan Nabawan yang mengikuti program itu.



AMBIL BAHAGIAN ... Peserta yang mengikuti program.